

Dasar Gaji Minimum: Implikasi Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Noor Syakilah Binti Shafiee
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: syashafiee@yahoo.com

Abstrak

Dalam era globalisasi dan menuju status negara maju, dasar gaji minimum menjadi isu hangat dibincangkan pada masa kini. Hal ini kerana Malaysia merupakan salah satu negara yang baru melaksanakan dasar gaji minimum. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa jurnal terdahulu yang banyak membincangkan berhubung dengan perkara ini. Tujuan kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana dasar gaji minimum memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa kini. Untuk mengukur gaji minimum ini, kajian ini menggunakan data sekunder dan terdapat beberapa kriteria penetapan yang digunakan untuk mengukuh kajian ini dengan menggunakan beberapa indikator seperti indeks harga pengguna dengan menggunakan pendekatan inflasi, kadar penyertaan guna tenaga buruh dan kadar pengangguran dari tahun 1990 sehingga tahun 2012. Kajian ini dilanjutkan dengan menggunakan pendekatan regresi dengan kaedah *Ordinary Least Square (OLS)*. Hasil keputusan mendapati bahawa indikator indeks harga pengguna, kadar penyertaan guna tenaga buruh dan kadar pengangguran merupakan kayu pengukur dalam mengukur keberkesanan dasar gaji minimum dan hasil analisis diperolehi bahawa indikator indeks harga pengguna dan kadar penyertaan guna tenaga buruh memberi impak positif dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia walaupun terdapat sedikit kesan negatif dalam kadar pengangguran. Secara amnya, dasar gaji minimum memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia walaupun terdapat sedikit kesan pengurangan dasar ini.

Kata Kunci : *Dasar gaji minimum, Pertumbuhan ekonomi Malaysia*

1. Pengenalan

Polisi gaji minimum yang ditakrifkan oleh *International Labour Organization* (2006), gaji minimum adalah satu amaun minimum yang ideal, yang harus dibayar oleh majikan kepada pekerjaannya bersesuaian dengan keperluan minimum harian seseorang pekerja dan keluarganya. Dalam erti kata, kadar gaji minimum juga haruslah selari dengan keadaan ekonomi dan sosial semasa dalam sesebuah negara. Bayaran yang dibuat mengikut kadar bulanan, harian atau jam. Dari segi undang-undang, gaji minimum adalah mewajibkan majikan menggaji pekerjaannya pada kadar yang tidak kurang daripada yang ditetapkan. Manakala dari perspektif ekonomi pula ia merujuk kadar gaji ditetapkan lebih tinggi berbanding kadar gaji semasa. Kira-kira lebih 90% negara diseluruh dunia mengamalkan dasar gaji minimum yang bersesuaian dengan sistem ekonomi negara masing-masing. Ada di antaranya telah menguatkuasakan dasar gaji minimum seawal tahun 1990-an. Negara Australia umpamanya telah menguatkuasakan dasar gaji minimum seawal tahun 1904, manakala negara Amerika Syarikat pula telah memperkenalkan dasar gaji minimum sejak tahun 1983. Dasar gaji minimum ini bukan

sahaja diterima pakai di negara-negara maju, malahan ia turut dilaksanakan di negara-negara dunia ketiga seperti Korea Selatan dan Sri Lanka.

Selain itu, dasar gaji minimum sebenarnya adalah satu alat untuk membasmi kemiskinan yang sama sifatnya dengan kawalan harga di mana ia tidak membezakan yang miskin, sederhana atau kaya. Harga barang-barang keperluan yang dikawal oleh kerajaan boleh dinikmati oleh semua orang tanpa mengira status pendapatan dan harta. Begitu juga dengan gaji minimum bukan sahaja orang miskin boleh bekerja pada gaji minima malah orang kaya dan kelas pertengahan juga boleh mendapat pekerjaan gaji minimum sekiranya mereka mahu. Sebagai contoh, paling berleluasa diseluruh dunia remaja dari keluarga sederhana dan kaya bekerja ketika cuti sekolah dan menerima gaji minimum. Apabila sesuatu polisi bersifat tidak mendiskriminasikan ia boleh dikatakan satu polisi yang tumpul. Faedahnya bukan sahaja dinikmati oleh orang miskin, tetapi juga melimpah kepada golongan yang tidak miskin. Undang-undang gaji minimum boleh dianggap sebagai satu polisi *one-size-fits-all* (Williams, 2009).

Pada masa kini Malaysia merupakan antara negara Asean yang pesat membangun dan menuju kepada status negara maju menjelang tahun 2020 dan seterusnya menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak mendedahkan butir-butir dasar gaji minimum pada 30 April 2012, berkata ia melengkapkan Dasar Transformasi Nasional yang bertujuan untuk memacu Malaysia ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan perintah gaji minimum adalah digunakan kepada semua majikan yang mempunyai lima pekerja dan ke atas di Malaysia termasuk pekerja asing dengan tarikh kuatkuasa bermula 01 Januari 2013. Menurut Majlis Perundingan Gaji Negara (2012), kerajaan menetapkan gaji minimum sebanyak RM 900 sebulan untuk Semenanjung Malaysia dan RM 800 sebulan untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Labuan. Hal ini akan memberi manfaat kepada 3.2 juta pekerja swasta (25.8% daripada jumlah guna tenaga) selain daripada yang dalam perkhidmatan domestik. Gaji minimum akan berkuat kuasa enam bulan dari tarikh Perintah Gaji Minimum diwartakan.

Lee Heng Guie (2011) menyatakan gaji minimum RM 900 adalah 49.9% daripada gaji kebangsaan minimum RM 1804.43 pada tahun 2010. Dalam menetapkan gaji minimum, kerajaan mengambil kira pertimbangan soal sosial dan ekonomi : pendapatan kasar bulanan isi rumah, kos hidup, penglibatan guna tenaga pekerjaan. Di Malaysia, hampir 33.8% daripada kira-kira 1.3 juta pekerja swasta masih berpendapatan kurang daripada RM 700 sebulan pada tahun 2009, jauh di bawah RM 800 sebulan yang dianggap garis kemiskinan. Upah telah ketinggalan pertumbuhan produktiviti, meningkat 2.6% setahun berbanding pertumbuhan produktiviti sebanyak 6.7% sepanjang dekad yang lalu. Kadar gaji minimum akan memberi kesan yang lebih besar terutama di Sabah (RM 800 gaji minimum berbanding gaji semasa sebanyak RM 577), diikuti oleh Sarawak (RM 800 gaji minimum berbanding gaji semasa sebanyak RM 758). Bagi Semenanjung Malaysia, kadar gaji minimum yang baru sebanyak RM 900 adalah 20.4% di bawah purata gaji semasa RM 1131. Boleh dikatakan, gaji yang lebih tinggi akan memberi kesan yang positif bersih terhadap ekonomi seperti mana-

mana kerugian kecil potensi pekerjaan yang lebih dilindungi oleh kesan berganda kerana ia meletakkan lebih banyak wang ditangan pekerja,dengan itu pembelian barangan dan perkhidmatan walaupun dengan beberapa kesan inflasi. Terdapat bukti empirikal yang mengukuhkan bahawa negara-negara yang melaksanakan dasar gaji minimum cenderung untuk melihat kesan positif dan negatif terhadap pekerjaan di kalangan pekerja yang dilindungi oleh undang-undang gaji minimum dan perkembangan pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara. Dalam kertas kajian ini akan melihat fenomena dasar gaji minimum memberi implikasi sama ada positif atau negatif terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia dan sejauh mana dasar gaji minimum memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa kini berdasarkan kriteria-kriteria atau beberapa indikator yang boleh digunakan untuk penetapan dasar gaji minimum bagi mengukuhkan kajian ini.

Jadual 1: Gaji Minimum untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak (RM/bulanan)

Negeri	Gaji minimum	Purata gaji semasa	Purata gaji tahun 2010	Pendapatan garis kemiskinan tahun 2009
Semenanjung	900.00	1131.00	1739.16	763.00
Sabah	800.00	577.00	1565.93	1048.00
Sarawak	800.00	758.00	1630.48	912.00

Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

2. Kajian Lepas

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ralph Smith dan Bruce Vavrichek (1986) telah membuat kajian di Amerika Syarikat menyatakan bahawa pekerja yang menerima gaji minimum ini memberi impak terhadap kuasa beli pengguna terhadap barangan dan perkhidmatan seterusnya cenderung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara. Pada tahun 1986 *The Congress of the United States Congressional Budget Office*, mengeluarkan laporan bahawa 4 dari setiap 5 orang pekerja menerima gaji minimum sebenarnya bukan terdiri daripada hasil golongan orang miskin tetapi diterima juga oleh golongan yang sederhana dan kaya dan hasil penerimaan gaji akan dibelanjakan terhadap barangan dan perkhidmatan meningkat. Walaupun kuasa beli pengguna terhadap sesuatu barangan dan perkhidmatan menjadi ukuran kepada keupayaan pertumbuhan ekonomi negara terdapat teori yang menolak hujah tersebut yang menyatakan kuasa beli pengguna merupakan satu signal dan bukanlah ukuran kepada pertumbuhan ekonomi. Walaupun hanya sebagai signal sahaja ia mempunyai hubungan positif antara corak perbelanjaan isi rumah dengan pertumbuhan ekonomi telah banyak dibuktikan.

Bancian yang dilakukan oleh Sara Lemos dari *University of Leicester* (2008) ke atas hampir 30 kertas kajian mengenai hubungan gaji minimum dan indeks harga pengguna terhadap pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat menyimpulkan kenaikan 10% kadar gaji minimum akan meningkatkan harga makanan sebanyak 4% manakala kadar inflasi keseluruhannya tidak lebih dari 0.4%. Penemuan ini menunjukkan sekurang-kurangnya di Amerika Syarikat menyimpulkan kenaikan 10% kadar gaji minimum akan meningkatkan harga makanan sebanyak 4% manakala kadar inflasi keseluruhannya tidak lebih dari 0.4%. Penemuan ini menunjukkan sekurang-kurangnya di Amerika Syarikat, kenaikan gaji minimum memberi kesan terhadap indeks harga pengguna dan pertumbuhan ekonomi. Kajian ini juga diakui oleh Lee (2012) dan Thiagarajah (2000) menyatakan gaji minimum akan meningkatkan kuasa beli pengguna seterusnya memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan teori neoklasik terhadap penyertaan guna tenaga dan bekalan tenaga buruh mahir sentiasa mencukupi supaya daya pengeluaran negara sentiasa meningkat. Oleh itu, peningkatan keluaran negara akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara. Selain itu, ada yang menyatakan dengan kenaikan gaji minimum akan membolehkan lebih ramai individu mendapat pekerjaan. Dalam erti kata yang lain, kenaikan gaji minimum boleh mengurangkan pengangguran.

David Card dan Alan B. Krueger merupakan nama terkenal dalam kalangan penyokong gaji minimum. Pada tahun 1993, mereka menghasilkan kajian impak gaji minimum ke atas pekerja industri makanan segera. Mereka menemui bahawa kenaikan gaji minimum telah meningkatkan jumlah pekerja di restoran-restoran makanan segera. Card dan Krueger (1994) menyimpulkan kenaikan gaji minimum boleh mengurangkan kadar pengangguran seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Penemuan ini sangat popular, malahan Presiden Clinton menggunakannya untuk mencadangkan kenaikan gaji minimum di Kongres. Namun hasil kajian mereka dipersoalkan oleh ahli ekonomi yang lain. Akhirnya Card dan Krueger mengubah kesimpulan asal bahawa gaji minimum mengurangkan kadar pengangguran kepada pertumbuhan ekonomi kepada kesimpulan baru iaitu gaji minimum memberi kesan sedikit kepada pengangguran.

3. Metodologi

Menurut Mouly (1970) dan Mohamad Ibrahim (1995), metodologi kajian turut digunakan untuk mengupas tentang kaedah yang digunakan dalam permakatan, kesahan dan kebolehpercayaan, tatacara kajian, kajian rintis, limitasi kajian dan penganalisan data statistik. Pengumpulan data sangat penting dalam penyelidikan kerana penyelesaian masalah menjadi tidak lengkap tanpa disokong dari data. Oleh itu, pemilihan metodologi kajian adalah penting untuk memastikan kesahihan dan boleh dipercayai dalam sesuatu kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, kaedah yang dipilih adalah kaedah berbentuk pemerhatian, di mana kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian secara statistik mengikut tahun bagi mendapatkan maklumat secara tepat dan data ini dikenali sebagai data siri masa. Data siri masa yang diperolehi boleh menerusi data Makroekonomi. Penyusunan data siri masa ini melalui satu tempoh masa tertentu dan kekerapan sesuatu data boleh berbentuk sama ada dalam tahunan, sukuan, bulanan, mingguan atau harian. Kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana dasar gaji minimum memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia merujuk kepada kekerapan data berbentuk tahunan iaitu bermula tahun 1990 sehingga tahun 2012. Tambahan pula, reka bentuk kajian ini amat sesuai digunakan untuk kajian ini. Antara kriteria-kriteria yang digunakan dalam mengukur dasar gaji minimum adalah seperti indeks harga pengguna dengan menggunakan pendekatan inflasi (melihat perubahan kos sara hidup di Malaysia), kadar penyertaan guna tenaga (menyelaraskan peningkatan gaji dengan penyertaan guna tenaga) dan kadar pengangguran (bagi memastikan kenaikan gaji tidak menjejaskan keupayaan pasaran untuk mewujudkan dan mengekalkan peluang pekerjaan). Secara keseluruhannya, pemilihan kaedah pemerhatian amat diperlukan kerana maklumat yang boleh diperolehi dengan cepat dan selain itu ia mampu menjimatkan masa dan kos.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan salah satu sumber yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data dalam proses kajian. Kaedah pengumpulan data dapat menyediakan maklumat yang sesuai, tepat dan boleh dipercayai. Oleh itu, terdapat dua kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Dalam kajian ini menggunakan data sekunder, data sekunder ini digunakan bagi membantu pengkaji untuk lebih memahami dengan lebih lanjut tentang kajian disamping ia juga sebagai bahan sokongan kepada kajian yang dilakukan. Untuk menganalisis empirikal model ini, data ini diperolehi daripada *Index Mundi*, *National Master*, *The Global Economy Data*, *Trading Economics*, *World Bank Data*, Jabatan Perangkaan Negara dan Unit Perancangan Ekonomi Negara dari tahun 1990 sehingga tahun 2012.

3.3 Kaedah Penganalisan Data

Dalam kaedah penganalisan data, kajian ini menggunakan data program perisian *EViews 7 (Econometric Views)* adalah program yang banyak digunakan dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan perindustrian. *EViews* merupakan versi baru dari *statistical package* untuk memanipulasi data siri masa. Selain itu, *EViews* juga merupakan “*windows user friendly*”, di mana sebahagian besar perusahaan operasi dapat dilakukan dengan “*menu drop-down*”. Antara kegunaan lain *EViews* adalah seperti menganalisis data dan evolusinya, analisis kewangan, peramalan ekonomi makro, simulasi dan peramalan penjualan serta analisis pembiayaan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, jelas menunjukkan bahawa program perisian *EViews* ini digunakan bagi tujuan analisa minimum dan peratusan data.

3.4 Pembentukan Model dan Regresi

Bagi menganggar untuk mengkaji sejauh mana dasar gaji minimum memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia, kajian ini akan dilanjutkan dengan menggunakan pendekatan regresi dengan kaedah *Ordinary Least Square (OLS)* bagi menganggarkan indikator-indikator yang dipilih untuk mengukuhkan kajian ini. Sekiranya fungsi yang dianggarkan adalah berbentuk log maka koefisien yang dihasilkan merupakan nilai keanjalan pembolehubah berkenaan. Seterusnya, untuk mengira sejauh mana dasar gaji minimum memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia maka nilai ini berdasarkan dengan indikator-indikator yang digunakan bagi tujuan kajian berkenaan. Oleh itu, pendekatan regresi akan digunakan untuk menganalisis sejauh mana dasar gaji minimum memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Satu persamaan model telah dibentuk bagi menerangkan hubungan atau kaitan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. Kajian empirikal telah dijalankan bagi mengukur dasar gaji minimum memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Justeru itu, satu persamaan regresi telah dibentuk seperti berikut:

$$\text{GDP} = \text{CPI} + \text{LFPR} + \text{UER} \quad (1)$$

Di mana,

GDP = Pertumbuhan ekonomi Malaysia

CPI = Indeks harga pengguna mengikut pendekatan inflasi

LFPR = Kadar penyertaan tenaga buruh

UER = Kadar pengangguran

Memandangkan kajian ini adalah melihat sejauh mana dasar gaji minimum memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia maka fungsi log lebih sesuai digunakan. Setiap pembolehubah bebas akan ditransformasikan ke dalam bentuk logaritma (log) supaya pembezaan pertama ditukarkan kepada bentuk log-linear seperti di bawah:

$$\text{GDP} = \beta_0 + \beta_1 \ln \text{Cpi} + \beta_2 \ln \text{Lfpr} + \beta_3 \ln \text{Uer} + \mu_t \quad (2)$$

Dalam persamaan di atas, β_0 adalah pemalar yang merupakan koefisien pintasan, β_1 adalah parameter setiap pembolehubah bebas yang mengukur perubahan ke atas pembolehubah bersandar akibat daripada perubahan pembolehubah bebas sebanyak 1 unit dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah dan μ_t merupakan ralat atau pembolehubah stokastik yang mewakili semua faktor lain yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi tetapi tidak diambil kira secara langsung dalam model ini.

3.5 Penganggaran Model dan Regresi

Dalam kajian ini pendekatan regresi dengan menggunakan kaedah OLS bagi melihat sejauh mana dasar gaji minimum memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kaedah ini digunakan untuk mengenalpasti pembolehubah yang dipilih boleh memenuhi ciri-ciri penganggar yang terbaik, linear dan tidak bias. Ujian statistik dan ekonometrik digunakan untuk menganalisis keputusan yang diperolehi iaitu melibatkan ujian F, pekali penentuan (R^2), ujian t, ujian autokolerasi Durbin Watson, ujian heteroskedastisiti dan ujian-ujian multikolineariti. Kriteria ini melihat kepada signifikanan dan kebolehpercayaan parameter yang dianggar dalam sesuatu model. Analisis model ini telah dibentuk bagi mencapai objektif kajian. Ujian statistik dilakukan bagi menentukan sama ada pembolehubah bebas yang dipilih adalah signifikan atau tidak pada aras keertian tertentu. Manakala ujian F dilakukan bagi menguji kesignifikanan regresi model secara keseluruhan iaitu sama ada pembolehubah bebas yang dipilih adalah (CPI, LFPR dan UER) signifikan atau tidak dengan pembolehubah bersandar (GDP), pekali penentuan (R^2) pula mengukur ketepatan kepadanan persamaan regresi serta menunjukkan berapa peratus perubahan pembolehubah bersandar dapat diterangkan oleh pembolehubah bebas dalam model. Dengan kata lain, nilai R^2 mengukur sejauh mana perubahan variasi dalam pembolehubah bersandar dapat dijelaskan oleh pembolehubah bebas. Seterusnya, ujian autokolerasi untuk menerangkan sama ada terdapat faktor lain selain pembolehubah bebas yang boleh menerangkan pembolehubah bersandar. Kewujudan autokolerasi disebabkan terdapatnya pembolehubah bebas lain yang tidak dimasukkan ke dalam model ataupun jika ada kesilapan menentukan model. Kewujudan autokolerasi tidak akan menyebabkan nilai parameter yang dianggar menjadi pincang. Namun, nilai varian parameter yang semakin membesar menyebabkan penganggaran menjadi bukan yang terbaik. Masalah multikolineariti pula didefinisikan sebagai wujudnya hubungan pembolehubah bebas dalam model. Ia wujud apabila terdapat hubungan linear atau hampir linear antara pembolehubah bebas. Ianya disebabkan terdapatnya pembolehubah bebas yang bergerak secara serentak dan penggunaan pembolehubah bebas tertanggung dalam model. Multikolineariti akan menyebabkan nilai parameter varians menjadi tidak logik, terlalu besar dan mempunyai tanda (*sign*) yang berubah (dijangkakan positif tetapi hasilnya negatif dan sebaliknya). Kewujudan multikolineariti ini boleh dilihat daripada pekali kolerasi pearson. Penganggaran model dan regresi kepada pertumbuhan ekonomi dapat dilihat melalui pendekatan regresi kaedah OLS. Oleh kerana fungsi yang dianggarkan berbentuk log maka koefisien yang dihasilkan merupakan nilai keanjalan didarabkan dengan kadar pertumbuhan ekonomi berkenaan.

4. Keputusan Empirikal

4.1 Analisis Keputusan Regresi

Dalam analisis regresi ini, sebelum melihat kepada sumbangan indikator-indikator kepada ekonomi, perlulah terlebih dahulu dilihat kesesuaian atau kesignifikanan model anggaran supaya analisis yang dilakukan memberikan keputusan yang benar.

Jadual 1: Hasil Regresi GDP

Pembolehubah bersandar : GDP		
Pembolehubah bebas	Pekali	T-Statistik
C	-140.5894	-0.693655
LnCPI	1.369054	0.804626*
LnLFPR	35.67614	0.724241*
LnUER	-1.155675	-0.172514
$R^2 = 0.065370$	F-statistik = 0.442964	
Adj. $R^2 = -0.082204$	N = 22	
D.W = 1.893558		

*Signifikan aras keertiaan 0.05

Berdasarkan daripada keputusan hasil regresi GDP dalam jadual 1, peningkatan CPI sebanyak 1 peratus secara purata, membawa kepada peningkatan 1.369054 peratus dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia (GDP), peningkatan LFPR sebanyak 1 peratus bilangan penyertaan tenaga buruh secara purata, membawa kepada peningkatan 35.67614 peratus bilangan penyertaan tenaga buruh dalam pertumbuhan ekonomi (GDP), penurunan UER sebanyak 1 peratus kadar penganggurn secara purata, membawa kepada penurunan -1.155675 peratus kadar pengangguran dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia (GDP). Selain itu, berdasarkan jadual 1 mendapati bahawa indikator CPI dan LFPR adalah signifikan pada aras keertiaan 0.05. Hasil tersebut ditunjukkan oleh pekali teranggar atau pembolehubah bebas CPI dan LFPR dalam model adalah signifikan mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu pertumbuhan ekonomi Malaysia secara statistik. Indikator UER pula menunjukkan bahawa pekali teranggar atau pembolehubah bebas UER tersebut dalam model adalah tidak signifikan mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu GDP secara statistik. Secara keseluruhan mendapati bahawa nilai pekali penentu R^2 dapat dikenalpasti. Hasil regresi R^2 menunjukkan bahawa sebanyak 6.54% variasi dalam pembolehubah bersandar diterang oleh variasi pembolehubah bebas, manakala bakinya 93.46% diterangkan dalam faktor ralat.

$$GDP = \beta_0 + \beta_1 \ln Cpi + \beta_2 \ln Lfpr + \beta_3 \ln Uer + \mu_t$$

Estimasi regresi bantuan iaitu satu bagi setiap pembolehubah bebas:

$$CPI = \alpha_0 + \alpha_2 LFPR_2 + \alpha_3 UER_3$$

$$LFPR = \partial_0 + \partial_1 CPI_1 + \partial_3 UER_3$$

$$UER = y_0 + y_1 CPI_1 + y_2 LFPR_2$$

Jadual 2: Hasil Estimasi Regresi untuk Persamaan Kedua Bagi CPI

Pembolehubah bersandar LnCPI		
Pembolehubah bebas	Pekali	T-Statistik
C	-13.34976	-0.504374
LnLFPR	3.331346	0.518038
LnUER	0.501321	0.574110
R ² = 0.028955	F-statistik = 0.298180	
Adj. R ² = -0.068150	N = 22	
D.W = 1.087180		

Jadual 3: Hasil Estimasi Regresi untuk Persamaan Ketiga Bagi LFPR

Pembolehubah bersandar LnLFPR		
Pembolehubah bebas	Pekali	T-Statistik
C	4.111186	111.7955
LnCPI	0.0003975	0.518038
LnUER	-0.002355	-0.077468
R ² = 0.013248	F-statistik = 0.134256	
Adj. R ² = -0.0085427	N = 22	
D.W = 0.116835		

Jadual 4: Hasil Estimasi Regresi untuk Persamaan Keempat Bagi UER

Pembolehubah bersandar LnUER		
Pembolehubah bebas	Pekali	T-Statistik
C	1.701472	0.251901
LnCPI	0.032340	0.574110
LnLFPR	-0.127358	-0.077468
$R^2 = 0.016220$	F-statistik = 0.164876	
Adj. $R^2 = -0.082158$	N = 22	
D.W = 0.936050		

Jadual 5: Keputusan Multi-K Berdasarkan Pengiraan VIF

Persamaan	Varian Inflation Factor (VIF)	Keputusan
$CPI = \alpha_0 + \alpha_2 LFPR_2 + \alpha_3 UER_3$	1.0298	Tidak wujud multi-k
$LFPR = \hat{\alpha}_0 + \hat{\alpha}_1 CPI_1 + \hat{\alpha}_3 UER_3$	1.0134	Tidak wujud multi-k
$UER = y_0 + y_1 CPI_1 + y_2 LFPR_2$	1.0165	Tidak wujud multi-k

Berdasarkan jadual 5, Varian Inflation Factor (VIF) adalah bertujuan untuk mengenalpasti multi-k dengan melakukan regresi satu pembolehubah bebas terhadap kesemua pembolehubah bebas yang lain dalam model asal. Idea VIF ini berlaku sekiranya R^2 daripada regresi bantuan adalah tinggi, maka varian pekali kecerunan juga akan tinggi di mana akan wujud multi-k yang serius sekiranya VIF menunjukkan bahawa regresi bantuan mendapati tidak wujud multi-k yang serius terhadap kesemua pembolehubah bebas dalam model regresi yang mengkaji sejauh mana dasar gaji minimum memberi impak terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Jadual 6 : Ujian Kestabilan Model

Ujian Asas Kestabilan Model	Ujian Autokolerasi Breusch-Godfrey (Serial Colleration LM Test)	Ujian Heteroskedastisiti ARCH
------------------------------------	------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------

Hipotesis nul	Ho: Wujud autokolerasi	Ho: Tidak wujud heteroskedastisiti
Keputusan	F-statistik = 0.371881	F-statistik = 0.236139
	Probabiliti = 0.6336	Probabiliti = 0.6124
	Hukum = Gagal tolak Ho	Hukum = Gagal tolak Ho

Ujian autokolerasi dengan menggunakan kaedah nilai Durbin-Watson gagal menentukan sama ada wujud autokolerasi positif atau negatif mungkin disebabkan oleh penggunaan pembolehubah yang nilai dalam bentuk log. Kelemahan ujian Durbin-Watson di atasi dengan ujian *Serial Colleration LM test* yang dibangunkan oleh Breusch dan Godfrey. Ujian ini lebih kepada mengukur kehadiran masalah autokolerasi terutamanya melibatkan data siri masa. Jadual 6 menunjukkan keputusan menerusi Ujian Serial Colleration LM test mendapati hipotesis nul gagal ditolak bermaksud mungkin berlaku wujud masalah autokolerasi yang dikaji. Begitu juga dengan pengesanan masalah heteroskedastisiti berdasarkan ujian ARCH seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6.

5. Kesimpulan

Sejak kebelakangan ini Malaysia berada dalam situasi *middle income trap*. Keadaan ini disebabkan polisi ekonomi negara kita yang selama ini mahu bersaing sebagai hab eksport dengan menggunakan kos buruh yang murah. Kini, Malaysia cuba keluar dari lingkungan ini untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Persoalannya, untuk mencapai negara berpendapatan tinggi Malaysia memerlukan banyak penyertaan guna tenaga yang berkemahiran tinggi. Secara realitinya, Malaysia terlalu bergantung kepada penyertaan guna tenaga berkemahiran rendah berbanding berkemahiran tinggi. Salah satu sebabnya ialah situasi *brain-drain* di mana ramai rakyat Malaysia yang mempunyai bakat dan pendidikan tinggi berhijrah ke luar negara. Menurut Profesor Madya Shandre M. Thangavelu dari *National University of Singapore*, beliau berpendapat bahawa untuk mencapai status negara maju, sesebuah negara seharusnya dipacu oleh teknologi, kompetensi sektor ekonomi yang terpilih, kuasa beli pengguna terhadap barangan dan perkhidmatan yang tinggi serta melahirkan penyertaan guna tenaga yang berkemahiran tinggi dan produktif dalam sesebuah negara. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa daripada melaksanakan dasar gaji minimum adalah lebih baik mengamalkan polisi yang membantu pekerja meningkatkan produktiviti mereka seterusnya membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Tambahan pula, ekonomi negara pada masa kini masih tertumpu kepada penggunaan tenaga buruh murah. Tidak dinafikan, Malaysia masih berdaya saing kerana Malaysia mempunyai buruh tenaga yang murah tetapi realitinya Malaysia masih belum meningkatkan ekonomi berasaskan modal, teknologi dan modal insan berkemahiran tinggi. Selain itu, alternatif yang Malaysia amalkan adalah membiarkan sektor swasta

perlahan-lahan mengubah struktur pengeluaran mereka dari segi buruh kepada modal. Apabila nisbah modal buruh meningkat dan pendapatan buruh akan meningkat seterusnya meningkatkan kuasa beli pengguna dan mengurangkan kadar pengangguran bagi memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Tambahan pula, akta kawalan harga dan subsidi petroleum pula digunakan untuk mengawal kos kehidupan di Malaysia dan hal ini menjadikan pekerja Malaysia murah untuk digajikan kerana kos hidup yang rendah. Polisi imigrasi yang tidak ketat menyebabkan faktor gaji tidak meningkat. Hal ini disebabkan pekerja asing sanggup bekerja pada gaji yang rendah. Dalam konteks ini, sebelum gaji minimum dilaksanakan di Malaysia terdapat satu sistem upah iaitu Sistem Upah Berkait Produktiviti (SUBP), di mana terdapat sesetengah syarikat di Malaysia tidak melaksanakan sistem ini. Sistem ini merupakan satu sistem perubahan upah yang berkaitan dengan penyertaan guna tenaga dengan produktiviti output. Oleh itu, setiap peningkatan upah melalui kemahiran harus disertai dengan penyertaan guna tenaga yang tinggi. Dengan ini, daya saing syarikat dapat diperkukuhkan dan pekerja mendapat jaminan pekerjaan dengan gaji minimum yang setimpal dengan kemahiran mereka. Sebagai pengubal dasar, untuk melaksanakan gaji minimum kerana kadar gaji sektor swasta di Malaysia ditentukan oleh kuasa pasaran dan penetapan gaji dibuat melalui permintaan dan penawaran. Hal ini memastikan Malaysia sentiasa kompetitif dalam persaingan ekonomi diperingkat global. Melalui *Institute for Management Development World Competitiveness (2015)*, melaporkan bahawa kedudukan Malaysia adalah ditempat ke-14 dari 61 buah negara dari aspek daya saing. Berdasarkan laporan tersebut, kedudukan ini perlu diperbaiki tanpa peningkatan kos tetapi memerlukan peningkatan produktiviti. Antara kaedah perlu digunakan oleh pihak kerajaan adalah penetapan gaji minimum melalui kuasa pasaran melalui beberapa pihak iaitu Perjanjian Kolektif dan Majlis Perunding Gaji Negara. Sehingga kini, kerajaan telah menubuhkan 11 MPGN yang akan menetapkan gaji minimum dan syarat pekerjaan bagi golongan pekerja dalam sektor-sektor yang ditentukan. Kerajaan berpendapat bahawa pelaksanaan gaji minimum untuk semua sektor pekerjaan adalah kurang wajar dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana peningkatan dalam menjalankan perniagaan di Malaysia akan menjejaskan daya saing negara dalam menarik pelaburan asing ke Malaysia. Selaras dengan hasrat pembangunan negara, kerajaan sedang berusaha mempromosikan sistem upah yang berkaitan dengan produktiviti. Dasar ini bertujuan untuk menjamin daya saing negara disamping menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup pekerja. Secara amnya, dasar gaji minimum memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia walaupun terdapat sedikit kesan pengurangan dasar ini. Hal ini kerana dasar gaji minimum memberi impak positif kerana penilaian untuk menggubalkan dasar gaji minimum perlu diambil dalam pelbagai aspek ekonomi, politik, sosial, pasaran dunia, kuasa beli pengguna, infrastruktur, pendidikan dan sumber input di Malaysia pada masa kini mahupun negara lain. Menurut Nuemark et.al (2004), mengaitkan bahawa gaji minimum dapat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Indikator indeks harga pengguna, kadar penyertaan guna tenaga dan kadar pengangguran merupakan kayu pengukur dalam mengukur keberkesanan dasar gaji minimum. Hasil analisis mendapati bahawa indeks harga pengguna dan kadar penyertaan guna tenaga buruh memberi impak positif dalam

pertumbuhan ekonomi Malaysia walaupun terdapat sedikit kesan negatif dalam kadar pengangguran.

6. Rujukan

Card,D & A.B.Krueger.(1994).Minimum Wages and Employment : A Case Study of The Fast Food Industry in New Jersey and Pennsylvania, *American Economic Review*,84-(4):772-793.

Data Index Mundi, National Master, The Global Economy, Trading Economics,World Bank.

Jabatan Perangkaan Malaysia dan Majlis Perundingan Gaji Negara, Malaysia.

Krum & Ronald J.(1981).*The Impact of The Minimum Wage on Regional Labor Markets/* Ronald J.Krumm American Enterprise Institute for Public Policy Research,Washington.

Kaviyasu Elangkovan.(2012).Minimum Wage Laws in Malaysia: An Answer to The Increasing Rate of Unemployment.*Interntional Journal of Academia Research in Economics and Management Sciences*,1(5),135-146.

Laporan Ekonomi 2011/2012, Unit Perancangan Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Neumark, David.(2001).The Employment Effects of Minimum Wages: Evidence from A Prespecified Research Design. *Industrial Relations*,Vol.40.No.1 January,pp.121-144.

Neumark,D & Nizalova,O.(2004).Minimum Wage Effects in Long Run. *NBER Working Paper*, No.10656.

Neumark, D,M.Schweitzer & W.Wascher.(2004).Minimum Wage Effects Throughout The Wage Distribution.*Journal of Human Resources* 39: 425-450.

Neumark, David & William L.Wascher.(2008).*Minimum Wages*.Cambridge,Massachusetts: The MIT Press.

Pereira & Sonia.C.(2005).The Impact of Minimum Wages on Youth Employment.*European Economic Review*,Vol.47,No.2 (April), pp.219-244.

Smith,R.E & Vavrichek.B.(1986).*The Minimum Wage : Its Relation to Incomes and Poverty*.Congressional Budget Office Reports.

Sara Lemos.(2004).Minimum Wage and Employment Effect Evidence from Brazil.*Economia* 5(1), 219-266.

SOCIAL SCIENCES POSTGRADUATE INTERNATIONAL SEMINAR (SSPIS) 2015
e-ISBN 978-967-11473-2-0

Sara Lemos.(2006).Minimum Wages and Employment Effect Evidence from Brazil.*Economia 5(1)*,219-266.

Sara Lemos.(2008). A journal of the Effects of The Minimum Wages on Prices, *Journal of Economics Surveys*,Blackwell Publishing,Vol.22(1),pages 187-212.